

Peradaban Islam Muhammad Uthman Elmuhammady (1943-2013)

ABSTRACT

Muhammad Uthman el-Muhammady antara tokoh pemikir yang terkenal di Malaysia. Beliau dikenali sebagai tokoh prolifik kerana penghasilan karya penulisan pelbagai tema. Peradaban Islam merupakan salah satu tema karya penulisan beliau. Wacana peradaban Islam yang dikemukakan oleh beliau adalah kupasan daripada pemikiran Ibn Khaldun. Bagi Muhammad Uthman el-Muhammady, wacana pemikiran Ibn Khaldun amat penting dalam melestarikan identiti ketamadunan, kerohanian dan intelektual masyarakat Islam apabila berdepan dengan isu-isu intelektual, budaya dan ketamadunan. Kajian ini mencirikan peradaban Islam menurut pandangan Muhammad Uthman el-Muhammady. Hasil kajian menunjukkan, Muhammad Uthman el-Muhammady mencirikan tamadun Islam dengan aspek akidah, ibadat, etika dan syariat.